

- 2 -

1. Piramid terbalik dikatakan satu struktur penulisan berita yang berupaya menarik minat dan memudahkan pembacaan sesuatu berita. Bincangkan struktur penulisan berita tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
2. Temuramah adalah salah satu kaedah utama dalam mencari maklumat untuk berita. Huraikan langkah-langkah untuk melaksanakan sebuah temuramah untuk mendapatkan maklumat.
3. Nilai berita memberi panduan kepada pemberita untuk memilih item-item yang dianggap berita dan bukan berita. Namun begitu terdapat juga faktor-faktor lain yang menentukan pemilihan berita. Bincangkan faktor-faktor berkenaan.
4. Pemberitaan terbahagi kepada tiga bentuk iaitu pemberitaan umum, *beat* dan pemberitaan khas. Jelaskan fungsi bagi bentuk-bentuk pemberitaan tersebut.
5. Undang-undang akhbar di Malaysia bukan bertujuan mengekang kebebasan berakhbar tetapi untuk memelihara keselamatan negara dan ketenteraman masyarakat berbilang kaum. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada beberapa undang-undang yang secara langsung berkaitan dengan persuratkhabaran di Malaysia.